



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 22 APRIL 2025 (SELASA)

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	FLOOD MONITORING - SUBANG JAYA CITY COUNCIL (MBSJ) HAS A WATER LEVEL MONITORING SYSTEM TO INCREASE THE COMMUNITY'S PREPAREDNESS OF FLOODS
2.	HARIAN METRO	ETIKA LUPUS PERALATAN ELEKTRIK

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	- BETTER SAFEGUARDS NEEDED FOR GAS PIPELINE AREAS - DIGITAL TOOLS AT HAND TO CONTAIN DENGUE
2.	HARIAN METRO	- KDN CADANG PEMBAYARAN SAMAN TRAFIK GUNA MYDIGITAL ID - KETUA BALAI POSITIF DADAH DIARAH PINDAH
3.	SINAR HARIAN	- KEDIAMAN KAMPUNG SUNGAI BARU TIDAK SELAMAT DIDUDUKI – PEMAJU - KERAJAAN DISARAN KENAKAN SYARAT KETAT KEPADA PEMAJU - BANTERAS SEGERA LAMBAKAN KERETA BURUK - KDN SYOR GUNA MYDIGITAL ID SECARA MELUAS BAYAR SAMAN - FENOMENA NARSISISME DIGITAL KIAN MEMBIMBANGKAN - RINGGIT MENINGKAT KEPADA 4.39
4.	KOSMO	- HARGA EMAS TERUS RAIH REKOD TERTINGGI BAHARU - RINGGIT CAPAI PARAS RM4.37 5.3 JUTA PELAJAR MULA PAKAI LENCANA MALAYSIA - KDN CADANG APLIKASI MYDIGITAL ID UNTUK BAYARAN SAMAN TRAFIK - TIGA RUU BAKAL DIBENTANG JUN INI TERMASUK PERLINDUNGAN SAKSI
5.	BERITA HARIAN	- EMAS CATAT PARAS TERTINGGI BAHARU RM479.35 SEGRAM - RINGGIT MENYINAR DI TENGAH KETIDAKTENTUAN GLOBAL - KETAGIH SKRIN PUNCA SINDROM "MINDA BERTIH" - PENYAKIT NCD BABIT PENCARUM PERKESO JEJAS KUALITI HIDUP
6.	UTUSAN MALAYSIA	- KITA MAMPU URUS KRISIS DENGAN BERKESAN - BURSA MALAYSIA HAMPIRI 1,500, DALAM FASA PEMBETULAN TEKNIKAL - PERTUMBUHAN EKONOMI BERISIKO LEBIH RENDAH TAHUN INI - GUNA MYDIGITAL ID BAYAR SAMAN TRAFIK - PENGUATKUASA PERLU TUNJUK TELADAN BAIK KEPADA PENIAGA KECIL
7.	THE SUN	- ONLY 10% OF FORMER TEACHERS CLAIMED PROVIDENT FUND - LEGAL COVERAGE OF PUTRA HEIGHTS BLAST

FLOOD MONITORING

Subang Jaya City Council (MBSJ) has a water level monitoring system to increase the community's preparedness of floods. The public can monitor real-time water levels across 13 locations under MBSJ at mbsj.iot.es-sb.com/map, with the system issuing three types of water level warnings – yellow (caution), orange (warning) and red (dangerous). To report emergencies and disasters, call 03-8024 7700 (MBSJ Pantas operation centre).

THE STAR

22 APR 2025

Tarikh:.....

THE Putra Heights gas pipeline inferno on April 1, has led to a shift in public assumption that gas pipelines are safe, despite their inherent risk.

Although the official report about the pipeline inferno has not yet been made public, precautions and guidelines are needed to prevent a recurrence.

There are about 2,600km of natural gas pipelines covering a large part of the urban landscape catering mainly to power sectors, petrochemical industries, SMEs and residential areas.

Although the gas pipeline reserve in the Subang Jaya and Putra Heights is wide, vacant and neatly maintained to prevent any interference with the pipeline, this is not the case with the majority of pipelines, especially the smaller distribution ones, that are along busy and narrow roads.

Over time, the area could be overtaken by undergrowth and the gas pipeline markers could either fade or be lost.

With a lot of trenching and excavations carried out along roads, these gas pipelines might be damaged leading to dangerous situations.

There is also a risk of landslides especially in steep slopes under which the gas pipelines are laid, not to mention severe floods exposing and rupturing the pipelines.

The best way to ensure that the gas pipelines, both the main and secondary ones are safe and free from any encroachments, is to ensure that they undergo maintenance and regular monitoring.

Tell-tale signs of problems like leaks, earth movements or damage to the pipeline can be found if there is regular monitoring.

Not all pipeline reserves are wide and tidy as was the case

Better safeguards needed for gas pipeline areas

Besides maintenance, regular monitoring, providers should liaise with authorities, residents



The government should set up an assistance scheme to provide financial aid to affected workers, residents in the event of an industrial accident. — Filepic

with the pipeline reserve in Subang Jaya and Putra Heights.

Most of the distribution pipelines are buried deep and forgotten unless a problem arises concerning the pressure and supply of gas.

There should be more liaising with the local authorities, utility companies and Public Works

Department which approves excavations, trenching and other projects to ensure that contractors avoid areas with gas pipelines.

Liaising with residents nearby will keep them informed and they may raise the alarm if they sense any risk from nearby excavations and projects.

There are also numerous contractors who illegally excavate and dig up roads especially at night and during public holidays.

Gas providers need to closely monitor their pipelines as this is the best way to avert any danger or a major mishap like what happened in Putra Heights, that



STARMETRO
MAIL

EMAIL: metro@thestar.com.my
MAIL: The Editor, Metro Mail,
Level 3A, Menara Star, 15,
Jalan 16/11, Section 16,
46350 Petaling Jaya.

Letters must carry the sender's full name, address, telephone number and signature. A pseudonym may be included. Letters may be edited for clarity, brevity and other requirements.

caused massive damage and serious injuries.

The government should also consider, with the support of industries, setting up an Industrial Disaster Relief and Assistance Scheme, to provide immediate financial aid to workers or residents in the event of an industrial accident.

When fires, explosions, chemical spills and other dangers occur in industrial or commercial premises, such a scheme would enable those affected to not to rely on individuals or donations as was the case with the Putra Heights explosion, which resulted in controversy and criticisms when donations or contributions were sought or offered.

V. THOMAS
Sungai Buloh

THE STAR

Tarikh: 22 APR 2025

DESPITE decades of fogging, larviciding, and public awareness campaigns, dengue fever continues to haunt urban Malaysia with alarming regularity.

As traditional control methods fall short in the face of rising cases and climate-driven mosquito proliferation, researchers are now turning to digital tools.

A recent collaborative study by Universiti Teknologi MARA (UiTM) and Universiti Putra Malaysia (UPM) has shed new light on how digital tools, particu-

Digital tools at hand to contain dengue

larly mobile-health apps and drones, could revolutionise dengue surveillance and prevention.

The results are promising, but they also raise critical questions: Are our communities ready to embrace drones flying over their rooftops? Will citizens trust apps that track their health data?

The study surveyed residents across four major cities and found that younger respondents

were more willing to participate in digital training and prevention programmes. The findings also revealed that individuals who held negative views about drones were significantly less likely to use health-related apps.

At the heart of the issue is public perception. Concerns about privacy, safety, and surveillance persist, particularly when drones are involved. While these devices

can pinpoint mosquito breeding sites far more effectively than manual patrols, fear and mistrust may stand in the way of their deployment.

The implications are clear; there is a need for a parallel investment in public education, transparent communication, and trust-building strategies.

Communities must not only understand how these technolo-

gies work but also why they are necessary and, most importantly, how their rights will be protected.

Combating dengue will take more than fogging trucks and flyers. It demands a data-driven, digitally empowered, and community-supported response.

ASSOC PROF DR NAZRI CHE
DOM
Faculty of Health Sciences
Universiti Teknologi MARA
Selangor

THE STAR

Tarikh: 22 APR 2025

TIP IT

Oleh Muhammad Saufi Hassan
sauri@mediaprima.com.my

4/4
(M&S)

Antaranya, guna pusat kutipan e-waste berlesen bagi urus dan proses sisa elektronik mengikut peraturan alam sekitar

Semakin banyak peralatan elektronik seperti telefon pintar, komputer riba, televisyen dan peri sejuk yang digantikan setiap tahun, namun masih ramai pengguna tidak menyedari risiko melupuskan barangan ini secara sembarangan.

Peralatan berkenaan mengandungi bahan toksik seperti plumbum, merkuri dan kadmium yang mengancam kesihatan manusia dan mencemarkan alam sekitar.

1. Gunakan pusat kutipan e-waste berlesen
Jabatan Alam Sekitar (JAS) menyediakan senarai pusat kutipan e-waste domestik berlesen yang sah

di seluruh negara.

Premis ini diiktiraf untuk mengurus dan memproses sisa elektronik mengikut peraturan alam sekitar.

2. Sertai Program e-Waste Alam Alliance (eWA)

Program eWA yang diterajui Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) membolehkan pengguna menghantar peralatan elektronik lama untuk dikitar semula secara percuma melalui rakan kongsi sah seperti ERTH dan Meriahtek.

3. Jangan buang dalam tong sampah biasa

E-waste mengandungi bahan kimia berbahaya yang tidak sepatutnya berakhir di tapak pelupusan awam. Ia menyalahi undang-undang di bawah Peraturan

Kualiti Alam Sekeliling (Sisa Terjadual) 2005.

4. Guna perkhidmatan kitar semula pihak ketiga

Syarikat tempatan seperti ERTH menyediakan perkhidmatan kutipan e-waste terus dari rumah, malah memberikan insentif tunai kepada pengguna.

5. Manfaatkan program 'trade-in' jenama elektronik

Apple, Samsung dan beberapa jenama besar menawarkan program 'trade-in' untuk menukar peranti lama kepada diskaun pembelian baru. Ia menjamin pelupusan dibuat melalui saluran sah dan mesra alam.

6. Ikut Kod SW110 untuk institusi

Organisasi yang melupuskan peralatan

elektronik perlu mematuhi Kod SW110 dalam sistem sisa terjadual JAS, yang mewajibkan penghantaran e-waste ke fasiliti bertauliah.

7. Padamkan data sebelum buang

Peranti seperti telefon dan komputer mengandungi data peribadi. Pastikan semua maklumat dipadam sebelum dilupuskan bagi mengelak risiko kecurian identiti atau penyalahgunaan maklumat.

8. Jangan jual kepada pengutip haram

E-waste yang dijual kepada pengutip tidak berlesen cenderung untuk dilupuskan secara tidak selamat dan mencemarkan alam.

9. Sertai Hari Kitar semula pihak berkuasa tempatan (PBT)

Beberapa pihak berkuasa tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MPSJ) mengadakan hari khas kitar semula termasuk kutipan e-waste. Maklumat boleh diperoleh melalui media sosial rasmi PBT masing-masing.

10. Tingkatkan kesedaran di rumah

Langkah paling asas tetapi penting didik ahli keluarga mengenai bahaya e-waste dan kepentingan kitar semula. Tindakan kecil ini mampu menyumbang kepada perubahan besar dalam pemeliharaan alam sekitar.

FOTO: JANAAN/ALCHARTPT

ETIKA LUPUS PERALATAN ELEKTRONIK



HARIAN METRO
Tarikh: 22 APR 2025

KDN ^{HM 22/4} cadang pembayaran saman trafik guna MyDigital ID

Kuala Lumpur: Kementerian Dalam Negeri (KDN) mencadangkan penggunaan aplikasi MyDigital ID diperluaskan dalam pelbagai urusan termasuk pembayaran saman trafik.

Menteri Dalam Negeri

Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, walaupun penggunaan MyDigital ID tidak diwajibkan, ia termasuk dalam dasar kerajaan.

Menurutnya, kerajaan juga bersetuju melakukan pindaan Akta Pendaftaran

Negara 1959 bagi membolehkan penggunaan MyDigital ID dipertingkatkan pada masa akan datang.

"Perkara ini masih dalam peringkat cadangan dan belum diluluskan di Parlimen. (Tapi) kita menggalakkan mereka (penggu-

na) menggunakan aplikasi itu bagi mengesahkan identiti dalam sesuatu urusan," katanya pada Jamuan Raya Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Menurutnya, semua urusan membabitkan Jabatan Siasatan dan Pe-

nguatkuasaan Trafik (JSPT) pada masa depan akan mengutamakan orang ramai yang berdaftar dengan MyDigital ID.

"Jika sebelum ini, JSPT bermurah hati memberi tawaran diskaun saman sehingga 50 peratus, na-

mun bagi mereka memiliki aplikasi itu kita akan bagi lebih lagi... mungkin dalam 55 peratus.

"Untuk mendaftar MyDigital ini mudah sahaja, hanya menggunakan telefon bimbit untuk proses pendaftaran," katanya.

HARIAN METRO

Tarikh: 22 APR 2025...

Ketua balai positif dadah diarah pindah

Kuala Lumpur: Ketua balai polis yang ditahan kerana positif dadah ketika berhibur di pusat hiburan di Pandan Perdana, Ampang pada Jumaat lalu akan dipindahkan ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa berkata, pegawai berkenaan yang bertugas di sebuah balai polis di ibu negara sudah mendapat arahan pertukaran pada hari yang sama dia ditahan.

Menurutnya, pegawai berkenaan juga bakal dikenakan tindakan tatatertib oleh Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman.

Katanya, pihaknya tidak akan sama sekali berkompromi dengan apa-apa salah laku jenayah kepada sesiapa saja di negara ini termasuk pegawai dan anggota pasukan polis tanpa mengira pangkat.

"Ada 17 orang keseluruhannya (ditahan) dan salah seorang itu adalah pegawai polis berkenaan yang positif (dadah)."

Seperti mana yang saya beritahu sebelum ini, tindakan tegas akan diambil. Tindakan (tatatertib) menyusul kerana ambil dadah dan positif (da-

HM
22/4



Arahan pertukaran juga sudah keluar pada tarikh yang sama (pegawai ditahan) cuma lewat sedikit, dia ditukarkan ke IPK Pulau Pinang"

Rusdi

dah) itu sudah menjadi kesalahan jenayah.

"Arahan pertukaran juga sudah keluar pada tarikh yang sama (pegawai ditahan) cuma lewat sedikit, beliau ditukarkan ke IPK Pulau Pinang," katanya pada sidang media di IPK Kuala Lumpur.

Rusdi berkata, siasatan akan dijalankan daripada setiap sudut dan sebagai anggota atau pegawai polis, mereka tidak boleh mengunjungi pusat hiburan.

"Berada di pusat hiburan tak boleh kecuali untuk tugas, itu ada arahan khusus dan untuk bekerja tetapi kalau kita bekerja, kita mesti mendapat kebenaran daripada ketua kita," katanya.

HARIAN METRO

Tarikh:2.2..APR.2025..

Kediaman Kampung Sungai Baru tidak selamat diduduki - Pemaju

31 214

KUALA LUMPUR - Masyarakat perlu menyokong kerja-kerja pembangunan semula bandar di Kampung Sungai Baru, di sini memandangkan sebahagian besar hartanah tidak lagi selamat untuk diduduki.

KL City Gateway Sdn Bhd selaku pemaju memaklumkan, ia termasuk lapan flat sedia ada yang telah usang, tua dan tidak selamat, selain terbiar berikutan penghuni telah berpindah ke rumah transit yang disediakan.

"Pada masa ini, pemaju yang dipantau Perbadanan Pembangunan Kampung Baru (PKB) dan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) telah mematuhi semua prosedur undang-undang yang terpakai berkaitan kerja perobohan dan pembinaan semula bagi projek ini.

"Berkenaan dengan satu saman tidak berasas yang difailkan 17 penduduk terhadap Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan berkaitan sama ada hartanah tersebut berada dalam kawasan Penempatan Pertanian Melayu (MAS) pendirian pemaju jelas dan nyata.

"Berdasarkan semakan rekod sedia ada juga, hartanah yang terlibat dengan projek ini bukan berstatus mahupun berada dalam kawasan MAS, tetapi perkara ini tidak boleh diulas lanjut kerana perlu tunggu keputusan mahkamah," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Sebelum ini dilaporkan, projek pembangunan semula Kampung Sungai Baru yang melibatkan rumah flat dan teres menimbulkan polemik susulan tuntutan kumpulan penduduk asal terdiri daripada golongan minoriti yang tidak berpuasa hati dengan pampasan diperoleh.

Mengulas lanjut, KL City Gateway berkata, pihaknya merupakan pemilik berdaftar yang sah bagi semua hartanah terlibat berdasarkan dokumen hak milik yang dikeluarkan oleh Pendaftar Hak Milik Tanah Kuala Lumpur.

Menurutnya, pemilihan tanah tersebut diperoleh mengikut undang-undang berdasarkan perjanjian usaha sama yang dimasuki antara pemaju dan sebahagian besar pemilik hartanah serta bakinya melalui Akta Pengambilan Tanah 1960.

"Semua pampasan untuk hartanah akta ini telah pun habis dibayar dan diterima. Pihak pemaju juga telah memperoleh satu perintah pemilikan kosong daripada Mahkamah Tinggi masing-masing pada 15 November 2024 dan 28 Februari 2025.

"Beberapa permohonan menentang atau mengetepikan perintah milikan kosong termasuk saman terhadap pemaju untuk mendapatkan injuksi bagi menghalang dan menghentikan projek ini yang difailkan segelintir penduduk juga ditolak oleh Mahkamah Tinggi," ujarnya.

SINAR HARIAN

Tarikh:2.2..APR.2025.....

54
244

Kerajaan disaran kenakan syarat ketat kepada pemaju

KUALA LUMPUR - Kerajaan disaran menetapkan dasar lebih ketat terhadap pemaju untuk menyelesaikan jualan unit kediaman siap dibina sekurang-kurangnya lebih 15 peratus daripada jumlah dibina sebelum meluluskan pembinaan baharu.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia, Dr Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin berkata, langkah itu bagi mengatasi isu rumah berharga antara RM300,000 hingga RM500,000 seunit yang tidak terjual di negara ini, sekali gus memastikan tidak berlaku lambakan penawaran.

"Bagi mengimbangi penawaran secara berlebihan, kerajaan boleh membuat ketetapan lebih ketat seperti kebenaran bagi setiap projek pembangunan di kawasan perumahan baharu tertakluk kepada jumlah

lambakan kediaman di kawasan sedia ada.

"Sebagai contoh, sekiranya jumlah unit kediaman tidak terjual melebihi 15 peratus di sesuatu kawasan, pihak kerajaan perlu mengetatkan kelulusan dengan tidak membenarkan pembinaan unit kediaman baharu sehingga jumlah unit kediaman tidak terjual itu berkurangan," katanya ketika dihubungi *Bernama*.

Beliau berkata demikian bagi mengulas isu rumah berharga antara RM300,000 hingga RM500,000 seunit yang direkodkan menjadi komponen hartanah paling banyak tidak terjual di negara ini suku ketiga 2024.

Berdasarkan laporan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), kediaman yang tidak terjual itu mewakili 31.9 peratus komponen hartanah meliputi 7,003 unit bernilai RM2.78 bilion pada 2024.



Kediaman yang tidak terjual mewakili 31.9 peratus komponen hartanah meliputi 7,003 unit bernilai RM2.78 bilion pada tahun 2024.

SINAR HARIAN
22 APR 2025

Tarikh:

Banteras segera lambakan kereta buruk

SAYA menyokong penuh tindakan tegas pihak berkuasa tempatan (PBT) terhadap lambakan kereta buruk dan terbiar di sekitar Lembah Klang.

Masalah ini bukan perkara baharu, malah sudah bertahun-tahun menjadi rungutan penduduk setempat.

Di kawasan flat tempat saya tinggal di Pandan Indah, banyak kenderaan lama dan uzur ditinggalkan tanpa diselenggara.

Ada yang tayar sudah kemepis, tingkap pecah, berkarat merata, malah sebahagiannya menjadi tempat takungan air.

Ia bukan saja mengganggu pemandangan, tetapi juga menimbulkan risiko kesihatan awam. Tak pelik kalau nyamuk Aedes pun berpesta di situ.

Masalah bertambah buruk apabila kereta-kereta ini dibiarkan di petak letak kereta awam, sekali gus menyusahkan penduduk yang mahu menggunakan ruang parkir sedia ada.

Sudahlah kawasan perumahan jenis bertingkat memang sudah sedia sesak, ditambah pula dengan kenderaan yang tidak digunakan tetapi tetap 'menetap' di situ bertahun-tahun.

Saya percaya ramai pen-



Kereta buruk dipercayai rosak kelihatan tersadai di lot parkir flat Desa Mentari 3, Petaling Jaya.

duduk setempat bersetuju bahawa tindakan tegas perlu diambil tanpa kompromi.

Saya juga berharap PBT tidak hanya bertindak apabila menerima aduan semata-mata. Sudah sampai masanya satu pelan tindakan proaktif dilaksanakan. Rondaan berkala boleh dijalankan di kawasan-kawasan perumahan yang dikenali pasti sering menghadapi isu ini.

Mana-mana kenderaan yang tidak bergerak lebih enam bulan tanpa cukai jalan yang sah boleh dikenakan notis dan ditunda jika gagal dipindahkan dalam tem-

poh yang ditetapkan.

Pada masa sama, pemilik kenderaan juga perlu diberikan kesedaran dan maklumat tentang langkah-langkah pengurusan kereta lama, termasuk skim pelupusan kenderaan usang yang mungkin boleh diperluaskan oleh kerajaan.

Saya yakin jika tindakan tegas ini dikekalkan dan diperluas ke seluruh kawasan Lembah Klang, masalah lambakan kereta buruk bukan sahaja dapat dikawal, malah boleh diselesaikan sepenuhnya.

** Razak Mahadi, Pandan Indah*

SINAR HARIAN

Tarikh:2.2.APR.2025.....

Bagi semua urusan pembayaran melibatkan saman trafik

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
KUALA LUMPUR

KDN syor guna MyDigital ID secara meluas bayar saman

Kementerian Dalam Negeri (KDN) mencadangkan penggunaan MyDigital ID digunakan secara meluas dalam semua urusan pembayaran saman trafik.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, meskipun penggunaan MyDigital ID masih tidak diwajibkan, namun perkara itu termasuk dalam dasar kerajaan bagi memudahkan orang ramai.

Menurut beliau, kerajaan bersetuju melakukan pindaan Akta Pendaftaran Negara 1959 bagi membolehkan penggunaan MyDigital ID secara lebih meluas.

Beliau memberitahu, pelaksanaan perkara itu juga bagi

memastikan peningkatan penggunaan aplikasi tersebut pada masa akan datang.

"Perkara ini masih dalam peringkat cadangan dan belum diluluskan di Parlimen.

"Kita menggalakkan mereka (pengguna) menggunakan aplikasi itu bagi mengesahkan identiti dalam satu urusan," katanya ketika berucap dalam majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Stadium Titiwangsa, pada Isnin.

Dalam majlis sama, Saifuddin menyerahkan sumbangan kepada petugas dan ahli keluarga PDRM yang kurang bernasib baik.

Mengulas lanjut, Saifuddin

berkata, semua urusan membabitkan Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) selepas ini akan mengutamakan orang ramai yang berdaftar dengan MyDigital ID.

Jika sebelum ini, katanya, JSPT bermurah hati memberi tawaran diskaun saman sehingga 50 peratus, namun bagi mereka yang memiliki aplikasi itu akan diberikan lebih diskaun.

Jelasnya, tawaran diskaun menerusi MyDigital ID mungkin sehingga 55 peratus.

"Untuk mendaftar MyDigital ini mudah sahaja hanya menggunakan telefon bimbit dan sekejap sahaja proses pendaftaran," ujarnya.



Saifuddin dan Razarudin (kanan) meraikan pengunjung di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2025 PDRM di Stadium Titiwangsa, pada Isnin.

SINAR HARIAN
Tarikh: 22 APR 2025

Fenomena narsisisme digital kian membimbangkan

SH 11/4

KEHADIRAN media sosial dalam kehidupan moden telah mengubah cara manusia berinteraksi, mengekspresikan diri dan membentuk identiti.

Dalam dunia yang semakin berpusatkan teknologi ini, satu fenomena yang semakin ketara ialah narsisisme digital iaitu kecenderungan untuk berlebihan dalam menonjolkan diri secara dalam talian demi perhatian dan pengiktirafan sosial. Apa sebenarnya yang dimaksudkan oleh terma narsisisme digital ini?

Walaupun tidak dikategorikan sebagai gangguan mental secara rasmi, narsisisme digital merupakan refleksi budaya yang menekankan nilai diri berdasarkan jumlah *likes*, *views* dan pengikut di media sosial.

Fenomena ini bukan sahaja memberi kesan kepada kesejahteraan emosi, malah turut mempengaruhi hubungan sosial serta pembentukan harga diri, khususnya dalam kalangan generasi muda yang lebih terdedah kepada penggunaan teknologi dan pengaruh rakan sebaya.

Secara ringkas, narsisisme digital merujuk kepada perilaku dalam talian yang

Narsisisme digital merupakan refleksi budaya yang menekankan nilai diri berdasarkan jumlah *likes*, *views* dan pengikut di media sosial.



PENDAPAT Rakyat

berpaksikan kepada diri sendiri secara berlebihan.

Ini termasuk kecenderungan untuk memuat naik gambar swafoto yang berulang, memperagakan gaya hidup mewah atau kejayaan secara keterlaluan serta bergantung kepada respons daripada pengguna lain untuk menilai nilai diri.

Fenomena ini juga dikaitkan dengan pembentukan identiti maya yang idealistik di mana pengguna hanya berkongsi aspek positif atau sempurna dalam ke-

hidupan mereka sambil menyorokkan kelemahan dan cabaran sebenar.

Jika dahulu manusia melihat cermin fizikal untuk menilai penampilan diri, hari ini cermin itu telah digantikan oleh platform seperti Instagram, TikTok dan BeReal.

Ciri algoritma media sosial juga menyumbang kepada fenomena ini. Kandungan yang menarik perhatian akan lebih mudah mendapat liputan luas, mendorong pengguna untuk terus mencipta bahan yang sensasi, tular atau memapar-

kan kehidupan luar biasa walaupun ia tidak semestinya mencerminkan realiti kehidupan seseorang.

Ketagihan respons positif dalam talian boleh memberi kesan negatif terhadap kesihatan mental. Kajian menunjukkan bahawa individu yang terlalu bergantung kepada maklum balas pengguna media sosial lebih cenderung mengalami tekanan, keresahan dan rendah diri terutamanya apabila kandungan dikongsi tidak mendapat sambutan yang diharapkan.

Apabila identiti seseorang terlalu terikat dengan imej dalam talian, kekurangan perhatian atau pengiktirafan boleh menyebabkan mereka berasa tidak dihargai dan terpinggir.

Ini akan mengakibatkan mereka bergelut dengan perasaan sendiri dan bagaimana mereka mengawal lonjakan emosi yang disebabkan oleh tingkah laku *netizen*.

Lebih membimbangkan, narsisisme digital juga boleh mengakis empati serta mengganggu hubungan interpersonal yang sebenar.

Apabila tumpuan hanya diberikan kepada persembahan diri, komunikasi menjadi cetek dan nilai kemanusiaan semakin terpinggir lantas akan pupus.

* Noor Ismawati Jaafar, Petaling Jaya

SINAR HARIAN

Tarikh: 22 APR 2025.....

Ringgit meningkat kepada 4.39

Ketidaktentuan
dasar perdagangan
AS beri impak

KUALA LUMPUR



Mata wang tempatan mengukuh pada sesi awal dagangan.

Ringgit dibuka tinggi berbanding dolar AS pada Isnin, mencecah paras 4.39 berikutan ketidaktentuan mengenai dasar perdagangan Amerika Syarikat (AS) yang mempengaruhi mata wang AS itu dalam rundingan berterusan dengan Jepun dan Kesatuan Eropah.

Pada 8 pagi, mata wang tempatan mengukuh kepada 4.3955/4195 berbanding dolar AS daripada 4.4100/4175 pada Jumaat lepas.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata ketidaktentuan me-

ngenai dasar perdagangan dilihat menyebabkan dolar AS rendah, yang biasanya menjadi aset selamat dalam tempoh tidak menentu.

"Situasi ini telah membawa kepada nilai mata wang pasaran sedang pesat membangun meningkat, termasuk ringgit," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata, Indeks Dolar AS (DXY) terus mencatatkan penurunan, berada pada 98.827 dalam ketidaktentuan berterusan mengenai tarif AS.

"Selain itu, kenyataan Presiden Trump mengenai rasa tidak puas hatinya terhadap keputusan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan (Fed) AS dan ba-

gaimana ini boleh menjejaskan tempoh perkhidmatan Pengerusi Fed, turut menyumbang kepada ketidaktentuan dasar.

"Susulan penurunan DXY, dolar-ringgit dijangka mencatatkan trend meningkat berbanding dolar AS," katanya.

Sementara itu, ringgit dinikmati rendah berbanding

sekumpulan mata wang utama.

Ia rendah berbanding yen Jepun kepada 3.1066/1240 daripada 3.0971/1028 pada Jumaat lepas, merosot berbanding pound kepada 5.8539/8859 daripada 5.8516/8616 dan berkurangan berbanding euro kepada 5.0342/0617 daripada 5.0133/0218.

Mata wang tempatan bercampur-campur berbanding mata wang ASEAN.

Ringgit mengukuh berbanding rupiah Indonesia kepada 260.4/262.0 daripada 261.2/261.8 sebelum ini dan tinggi berbanding peso Filipina kepada 7.74/7.79 daripada 7.77/7.79.

Bagaimanapun, ia merosot berbanding baht Thailand kepada 13.1989/05 daripada 13.1815/2154 pada Jumaat lepas dan susut berbanding dolar Singapura kepada 3.3625/3817 daripada 3.3562/3601 sebelum ini.

SINAR HARIAN

Tarikh: 22 APR 2025

Harga emas terus raih rekod tertinggi baharu

HONG KONG - Harga emas mencecah rekod baharu pada Isnin, ketika dolar AS terus lemah dan prestasi saham bercampur-campur di tengah-tengah kebimbangan mengenai tarif Donald Trump, serta perselisihan beliau dengan Rizab Persekutuan.

Kebimbangan mengenai prospek ekonomi global mendorong harga aset selamat menjadi lebih tinggi, dengan harga emas

melempi paras AS\$3,384 per auns, yang bersamaan dengan RM522.59/gram.

Dengan beberapa pasaran masih ditutup untuk sambutan cuti Hari Easter, perniagaan dihadkan menjelang minggu penting yang akan menyaksikan penerbitan data yang sepatutnya memberi gambaran tentang kesan perang perdagangan Trump.

Beberapa negara telah bertin-

dak untuk memeterai perjanjian dengan Washington bagi membendung tarif, dengan Jepun sebagai ekonomi berprofil tertinggi.

Bagaimanapun, China memberi amaran semalam supaya tidak mendapatkan perjanjian yang menjejaskan kepentingan Beijing.

Harga emas turut disokong dolar AS yang lebih lemah, diburukkan lagi dengan kebimbangan tentang pergeseran antara

Trump dan Pengerusi Rizab Persekutuan Amerika Syarikat, Jerome Powell.

Trump membangkitkan kebimbangan mengenai kebebasan bank itu setelah menyelar Powell minggu lalu susulan komentarnya mengenai tarif bahawa ia 'berkemungkinan besar akan mewujudkan sekurang-kurangnya kenaikan inflasi sementara' dan mencadangkan bahawa pe-

motongan kadar faedah adalah tidak mungkin.

Trump kemudian meminta Powell untuk mengurangkan kos pinjaman dan menambah: "Jika saya mahu dia keluar, dia akan segera keluar, percayalah."

Semalam, dolar AS jatuh berbanding mata wang utama, dengan yen dan euro antara yang memperlihatkan prestasi terbaik. - AFP

KOSMO

22 APR 2025

Tarikh:

Ringgit capai paras RM4.37

- Keyakinan terhadap dolar AS berkurang
- Peralihan kepada mata wang bukan dolar AS

PETALING JAYA – Ringgit terus mengukuh berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) semalam, yang dikaitkan dengan kelemahan dolar AS susulan dasar ekonomi Presidennya, Donald Trump terutama melibatkan tarif import.

Menurut Bank Negara Malaysia, pada penutup pukul 5 petang, kadar pertengahan tukaran wang asing ringgit berada pada paras 4.3710 berbanding AS\$, daripada 4.4165 Jumaat lalu.

Ketua Penganalisis Ekonomi, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Dr. Mohd. Afzanizam Abdul Rashid berkata, dasar Trump tidak konsisten dan sering berubah-ubah, manakala dari sudut geo politik, dasar beliau dilihat begitu antagonistik terutamanya terhadap sekutu AS seperti negara-negara G7 (Kanada, Perancis, Jerman, Itali, Jepun, United Kingdom dan AS).

"Justeru, perkara ini menyebabkan kehilangan keyakinan terhadap status dolar AS yang sebelum ini dilihat sebagai mata wang selamat.

"Ini seiring dengan kenaikan dalam kadar hasil bon dalam sekuriti perbendaharaan AS, yang mana kadar hasil bon yang bertempoh matang 10 tahun te-



PENGUKUHAN ringgit berbanding dolar AS dilihat berpunca daripada kelemahan dolar AS susulan dasar Presidennya, Donald Trump yang dilihat tidak konsisten. – GAMBAR HIASAN

lah meningkat daripada 4.33 peratus pada 9 April kepada 4.49 peratus pada 11 April.

"Kenaikan kadar hasil bon ini menunjukkan terdapat aktiviti penjualan dalam pegangan sekuriti perbendaharaan AS, me-

nandakan tanda-tanda kehilangan keyakinan terhadap mata wang dolar AS," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut Afzanizam, terdapat kemungkinan bahawa ringgit bakal mengukuh berbanding

dolar AS, namun masih tidak diketahui sama ada fenomena de-dollarisation ini akan berlaku secara drastik memandangkan dolar AS banyak diguna pakai dalam penyelesaian perdagangan antarabangsa, pegangan rizab

“

Justeru, perkara ini menyebabkan kehilangan keyakinan terhadap status dolar AS yang sebelum ini dilihat sebagai mata wang selamat.”

mata wang asing bagi bank-bank pusat dunia, dan transaksi mata wang asing.

"Pendapat kami, peralihan kepada mata wang bukan dolar AS akan terus berlaku dan sudah pun berlaku. Namun, untuk dolar AS terus diganti secara mutlak dalam tempoh terdekat adalah satu tanggapan yang kurang realistik.

"Pada masa sama, peralihan akan berlaku secara beransur-ansur disebabkan perlunya untuk meningkatkan instrumen kewangan seperti bil dan sekuriti perbendaharaan yang boleh menggantikan sekuriti perbendaharaan AS," katanya.

Tambah beliau, mungkin terdapat keperluan untuk menambah pegangan komoditi berharga seperti emas bagi melengkapkan ekosistem kewangan global.

"Justeru, ada beberapa perkara yang perlu diperhatikan. Yang pasti, situasi semasa dilihat menggalakkan perkembangan untuk beralih kepada aset bukan dolar AS," ujarnya.

KOSMO

Tarikh: 22 APR 2025



CINDY LEE JIA XIN (dua dari kiri) membetulkan lencana Jalur Gemilang di pakaian seragam rakannya, Balqis Adriaena Batrisyia Chan di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina Khoo Aik di Kangar, Perlis semalam.

5.3 juta pelajar mula pakai lencana Malaysia

- **Tingkat semangat patriotisme dalam kalangan pelajar**
- **Pemakaian lencana Jalur Gemilang mula serentak di seluruh negara**

Oleh SITI NUR MAS ERAH AMRAN

SEBERANG PERAI – Seramai 5.3 juta pelajar di insituti pendidikan di seluruh negara mula memakai lencana Jalur Gemilang pada uniform sekolah mulai semalam.

Lencana yang berbentuk pin itu dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan (KPM) dipakai pada sebelah kanan uniform sekolah.

Menterinya, Fadhlina Sidek

berkata, ia bertujuan untuk memastikan bahawa inisiatif berkenaan didokong oleh semua pihak.

"Pemakaian Jalur Gemilang ini kita luncurkan di seluruh negara serentak dan melibatkan beberapa Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, Menteri-Menteri Besar yang sama-sama memberikan komitmen untuk pemakaian Jalur Gemilang di pakaian seragam anak-anak.

"Satu perkara penting yang kita mesti tonjolkan daripada inisiatif ini adalah iltizam kita di peringkat KPM untuk memastikan bahawa aspek yang terkait rapat dengan semangat cintakan negara, perpaduan dan juga jati diri kebangsaan ini dibugar di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan di peringkat semua institusi pendidikan bawah KPM," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Nibong Tebal berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Simbolik Pemakaian Lencana Jalur Gemilang Pada Pakaian Seragam Murid di bawah Institusi Pendidikan KPM di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Haji Ahmad Badawi di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pihaknya yakin negara dapat terus melahirkan generasi Madani yang lebih kuat jati diri sekali gus akan terus memastikan mar tabat negara khususnya Jalur Gemilang diberikan penghormatan sewajarnya.

"Pemakaian lencana ini diharapkan akan dapat meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar dan dibantu guru-guru sekolah," ujarnya.

KOSMO

Tarikh: 22 APR 2025

KDN cadang aplikasi MyDigital ID untuk bayaran saman trafik

KOSMO 22/4

KUALA LUMPUR – Kementerian Dalam Negeri (KDN) mencadangkan supaya penggunaan aplikasi MyDigital ID diperluaskan khususnya dalam urusan pembayaran saman trafik.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, kerajaan sebelum ini telah bersetuju untuk meminda Akta Pendaftaran Negara 1959 bagi membolehkan pelaksanaan identiti digital itu secara menyeluruh.

"Walaupun penggunaan MyDigital ID belum diwajibkan, namun ia merupakan sebahagian daripada dasar transformasi digital kerajaan.

"Langkah ini masih di peringkat cadangan dan belum lagi diluluskan di Parlimen.

"Bagaimanapun, kita galakkan orang ramai untuk mula menggunakan aplikasi ini sebagai pengesahan identiti dalam sebarang urusan," katanya ketika berucap

dalam Majlis Hari Raya Aidilfitri Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Stadium Titiwangsa, di sini semalam.

Turut hadir pada majlis itu Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain.

Dalam pada itu, Saifuddin berkata, semua urusan melibatkan Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) selepas ini akan mengutamakan pengguna yang berdaftar dengan MyDigital ID.

"Lebih menarik, diskaun saman yang ditawarkan juga akan lebih tinggi kepada pengguna aplikasi tersebut.

"Kalau sebelum ini ada diskaun 50 peratus, dengan MyDigital ID mungkin dapat 55 peratus. Daftar pun senang dengan hanya guna telefon dan prosesnya cepat," ujarnya.

KOSMO

Tarikh: 22 APR 2025

Tiga RUU bakal dibentangkan Jun ini termasuk perlindungan saksi

Kosmo 22/4

PUTRAJAYA – Gerak kerja reformasi undang-undang dan institusi terus dipergiat dengan tiga Rang Undang-Undang (RUU) dijangka dibentangkan pada sidang Parlimen Jun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, tiga RUU yang menjadi antara fokus utama itu meliputi RUU

Bantuan Guaman, RUU Perlindungan Saksi dan RUU Insolvensi Rentas Sempadan.

"Kita hendak tengok kepada RUU Bantuan Guaman dan kedua ialah RUU Perlindungan Saksi yang merupakan isu paling besar, (saksi) ini tak boleh disimpan lama-lama, kes itu mesti diselesaikan secepat mungkin sebab dia nak jadi saksi.

"Ada beberapa saksi itu di-

simpan dalam beberapa tahun, saya tak begitu setuju sebab alansannya kes ditangguh, itu sebab saya nak maklum, kalau kes-kes tersebut di bawah senarai perlindungan saksi, ia perlu menjadi keutamaan untuk diselesaikan segera.

"Itu harapan saya, kalau tidak, tak masuk akal kita kategorikan dalam perlindungan saksi," katanya pada Majlis Santunan Mes-

ra Aidilfitri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) bersama warga jabatan dan agensi di sini semalam.

Mengulas lanjut, Azalina berkata, beliau juga telah mengadakan kunjungan ke negara-negara ASEAN untuk bertemu dengan menteri undang-undang dan kehakiman bagi mendapatkan input berkaitan RUU Insol-

vensi Rentas Sempadan.

"Dengan adanya ASEAN Law Forum, saya sudah mengunjungi beberapa negara ASEAN untuk bertemu dengan menteri undang-undang dan kehakiman di negara tersebut.

"Mereka amat positif dalam insolvensi rentas sempadan yang mana kita hendak mendapatkan komitmen dari negara-negara dalam ASEAN," katanya.

KOSMO

Tarikh: 22 APR 2025

Emas catat paras tertinggi baharu RM479.35 segram

bt 22/4

Harga emas melonjak ke paras tertinggi baharu pada Isnin, disokong oleh kebangkitan terhadap pertumbuhan ekonomi global susulan ketegangan perang perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China, selain kelemahan dolar AS yang turut menyokong kenaikan berkenaan.

Harga emas spot meningkat sebanyak 1.4 peratus kepada AS\$3,373.70 (RM14,859.50) seauns atau RM477.74 segram setakat jam 4.32 pagi GMT, selepas mencecah paras tertinggi sepanjang masa iaitu AS\$3,385.08 (RM14,909.60) seauns atau RM479.35 segram pada awal sesi.

Niaga hadapan emas di AS pula naik 1.8 peratus kepada

AS\$3,386.50 (RM14,915.80) seauns atau RM479.55 segram.

Kejatuhan indeks dolar AS ke paras terendah dalam tempoh tiga tahun menjadikan emas lebih menarik dalam kalangan pelabur yang memegang mata wang asing lain.

"Pasaran kini mengambil kira peningkatan risiko geopolitik yang didorong ketegangan tarif AS serta kebimbangan terhadap stagflasi. Pada masa sama, permintaan kukuh daripada bank pusat turut mendorong kenaikan harga emas," kata Pakar Strategi Pasaran IG, Yeap Jun Rong.

Ketegangan memuncak apabila Presiden AS, Donald Trump mengumumkan tarif timbal

balik terhadap puluhan negara pada 2 April lalu.

Walaupun pentadbirannya menangguhkan pengenaan cukai terhadap sesetengah negara, ia turut memperhebat konflik perdagangan dengan China.

Pada Isnin, China memberi amaran kepada negara lain supaya tidak menandatangani perjanjian ekonomi yang lebih besar dengan AS jika ia menjejaskan kepentingan Beijing. Langkah itu dipercayai sebagai respons kepada usaha Trump memujuk negara-negara tertentu bagi mendapatkan pengurangan atau pengecualian tarif.

Dalam perkembangan lain, Trump turut melancarkan siri ancaman terhadap Pengerusi

Rizab Persekutuan AS, Jerome Powell, malah dilaporkan pasukannya sedang mengkaji kemungkinan untuk memecat beliau.

Sementara itu, di medan geopolitik, ketegangan antara Russia dan Ukraine terus memuncak apabila kedua-dua negara saling menuduh melanggar gencatan senjata sempena sambutan Easter, yang sebelum ini diumumkan oleh Presiden Russia, Vladimir Putin. Kremlin menyatakan tiada arahan lanjut dikeluarkan bagi melanjutkan tempoh gencatan itu di medan hadapan.

Perkembangan semasa meningkatkan permintaan terhadap emas yang dilihat sebagai aset selamat ketika ketidakten-

tuan pasaran global.

Namun begitu, penunjuk teknikal menunjukkan emas berada dalam keadaan terlebih beli, dengan indeks kekuatan relatif (RSI) mencecah paras 75.

"Paras rintangan seterusnya yang berpotensi dicapai ialah sekitar AS\$3,500 (RM15,415.70) seauns atau RM495.63 segram, namun situasi semasa kelihatan agak sesak dalam jangka pendek," kata Jun Rong lagi.

Bagi logam berharga lain, perak naik 0.4 peratus kepada AS\$32.71 (RM144.07) seauns, platinum meningkat 0.3 peratus kepada AS\$969.65 (RM4,270.82) seauns, manakala paladium susut 0.5 peratus kepada AS\$957.68 (RM4,218.10) seauns.

BERITA HARIAN

Tarikh.....2.2.APR.2025.....

Ringgit menyinar di tengah ketidaktentuan global

Dolar AS semakin goyah lonjak mata wang tempatan sekitar RM4.38

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Ringgit melonjak tinggi semalam apabila terus mengukuh melepasi paras halangan RM4.40 untuk berada pada kadar sekitar RM4.38 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Penganalisis melihat kedudukan dolar AS semakin goyah didorong pelbagai faktor membimbangkan, termasuk ketidakpastian impak tarif AS, persoalan mengenai kredibiliti Rizab Persekutuan AS (Fed) serta risiko ke-melesetan ekonomi yang semakin ketara, menyokong pengukuhan ringgit dan mata wang pasaran baharu muncul lain.

Pada jam 3 petang semalam, ringgit mengukuh kepada RM4.379 berbanding dolar AS daripada RM4.41 pada penutup Jumaat lalu.

Rakan Pengurusan SPI Asset Management, Stephen Innes, ber-

kata dolar AS menerima tamparan hebat dari pelbagai aspek seperti keretakan struktur ekonomi AS yang semakin melebar, kebebasan dalam membuat keputusan oleh Pengerusi Fed AS, Jerome Powell di bawah desakan politik Donald Trump dan kesan perang tarif.

Katanya, AS telah beralih daripada tempat lindung nilai global kepada kad 'liar' makro, justeru memaksa penilaian semula di mana modal harus diletakkan dalam persekitaran yang tidak menentu.

Menurutnya, dengan institusi tempatan secara senyap berputar ke arah permainan yang lebih selamat, lebih seimbang dan pemain serantau memilih untuk menyalah risiko tanpa malarikan diri kepada dolar, meletakkan modal dalam pasaran domestik secara tiba-tiba kelihatan seperti dagangan yang meyakinkan.

"Ini bukan mengenai memak-simumkan hasil lagi - ia mengenai kestabilan dalam dunia di mana turun naik dibuat di Washington, bukan Caracas.

"Malaysia, dipuji, tidak terlalu

memainkan peranan fiskal atau monetari secara berlebihan.

"Tiada rangsangan yang melulu, tiada penjejasan kredibiliti, hanya pendirian dasar yang mantap.

"Dalam persekitaran ini, ia tidak membosankan - itulah 'alfa,'" katanya kepada BH mengulas mengenai prestasi ringgit berbanding dolar AS.



Stephen Innes

Mengulas lanjut, Innes berkata, tambahan pula perdagangan yang menggalakkan dengan China serta permintaan yang meningkat untuk lindung nilai bukan dolar, ringgit mula kelihatan lebih kepada permainan 'defensif' berbanding aset berisiko.

Katanya, dalam dunia di mana risiko pengeksportan diraskan sebagai pilihan dan aset domestik mula mengatasi kelaziman sejarahnya, *smart money* tidak mengalir ke luar, ia beredar pulang ke 'rumah'.

"Dolar AS goyah di bawah percanggahan sendiri. Kredibiliti Fed menjadi perdebatan langsung. Tarif membakar keyakinan.

"Dalam situasi itu, modal me-

ngalir kepada pilihan - bukan em-payar. Itulah sebabnya ringgit mendapat minat belian hari ini (semalam)," katanya.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata faktor utama menyokong ringgit adalah dasar ekonomi Trump, terutama membabitkan tarif import yang dilihat tidak konsisten dan sering berubah.

Katanya, dari sudut pandang geopolitik pula, dasar Trump dilihat begitu antagonistik terutama terhadap sekutu AS seperti negara di G7.

Hilang keyakinan

Justeru, perkara itu menyebabkan kehilangan keyakinan terhadap status mata wang AS yang sebelum ini dilihat sebagai mata wang lindung nilai, jelasnya.

"Perkara ini seiring dengan kenaikan dalam kadar hasil bon dalam sekuriti perbendaharaan AS yang mana kadar hasil bon bertempoh matang 10 tahun telah meningkat daripada 4.33 peratus pada 9 April sehingga ke paras 4.49 peratus pada 11 April.

"Kenaikan kadar hasil bon ini menunjukkan terdapat aktiviti penjualan dalam pegangan sekuriti perbendaharaan AS, sekali gus me-

nunjukkan tanda kehilangan keyakinan terhadap dolar AS," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Afzanizam berkata, terdapat kemungkinan ringgit bakal mengukuh berbanding dolar AS.

Namun, jelasnya, masih tidak diketahui apakah fenomena *dedollarisation* itu akan berlaku secara drastik memandangkan dolar AS banyak diguna pakai dalam penyelesaian perdagangan antarabangsa, pegangan rizab mata wang asing bagi bank pusat dunia dan transaksi mata wang asing.

Pihaknya berpendapat peralihan kepada mata wang bukan dolar AS terus berlaku dan sudah berlaku, namun untuk dolar AS terus diganti secara mutlak dalam tempoh terdekat adalah tanggapan kurang realistik.

Ketua Penyelidikan Pelaburan UOB Kay Hian Wealth Advisors Sdn Bhd, Mohd Sedek Jantan pula berpendapat, pengukuhan ringgit berbanding dolar AS disebabkan kelemahan dolar AS.

Jelasnya, faktor utama menyebabkan dolar AS melemah berikutan keyakinan pelabur terhadap ekonomi AS susulan rancangan Trump untuk merombak Fed yang sekali gus menimbulkan persoalan terhadap kebebasan institusi kewangan pusat.

Ketagih skrin punca sindrom 'minda bertih'

Oleh Dr Mazidah Mat Rejab
bhrencana@bh.com.my

bh
22/4



Ketua Penyelidik,
Pusat Kepintaran dan
Sistem Automatik
(CIAS), Jabatan
Kejuruteraan
Perisian, Fakulti
Komputer dan
Teknologi Maklumat,
Universiti Tun
Hussein Onn
Malaysia (UTHM)

Pada era digital masa kini, kehidupan seharian dipenuhi dengan rangsangan berterusan daripada media sosial, aplikasi telefon pintar dan pelbagai pemberitahuan (*notification*) tidak henti-henti.

Keadaan ini melahirkan satu fenomena dikenali sebagai 'minda bertih' (*Popcorn Brain*), situasi yang mana otak manusia menjadi terlalu terangsang hingga sukar fokus terhadap sesuatu tugas.

Seperti bertih jagung meletup dalam kualiti, otak juga sentiasa 'meletup' dengan maklumat baharu, menjadikannya susah memberi perhatian secara mendalam dan berpanjangan.

Fenomena ini bukan terjadi secara tiba-tiba, tetapi impak daripada tabiat penggunaan teknologi digital atau media sosial berlebihan dan tidak terkawal.

Pemberitahuan berterusan membuatkan individu sering terganggu dan menyebabkan ketagihan terhadap maklumat segera. Akibatnya, otak menjadi terbiasa dengan rangsangan pantas dan sukar untuk fokus kepada tugas memerlukan ketekunan atau tumpuan.

Satu lagi faktor kesan 'minda bertih' adalah tabiat menukar antara aplikasi dan tugas

dengan kerap. Walaupun ramai beranggapan mereka lebih produktif dengan melakukan banyak tugas serentak, hakikatnya ia menurunkan kecekapan otak dan menyebabkan keletihan mental.

Bacaan panjang tampak membosankan

Selain itu, pendedahan berpanjangan kepada kandungan digital seperti video pendek di TikTok dan Instagram Reels melatih otak mencari kepuasan segera, menjadikan bacaan atau tugas panjang tampak membosankan.

Kesan negatif daripada 'minda bertih' amat ketara dalam aspek akademik, pekerjaan dan kesejahteraan mental terutama golongan pelajar.

Antara kesannya termasuk kesukaran untuk membaca atau menyelesaikan tugas yang memerlukan fokus tinggi serta keletihan kognitif apabila otak tidak mendapat rehat mencukupi.

Individu juga mungkin berasa gelisah tanpa hiburan digital dan sukar menyelesaikan tugas yang memerlukan kesabaran, menjadikan mereka cepat bosan kepada sesuatu pekerjaan yang perlu mengambil masa.

Namun, fenomena ini boleh dikawal dengan beberapa langkah praktikal, antaranya ialah mengurangkan masa menatap skrin dan menetapkan had penggunaan media sosial.

Penggunaan aplikasi pemantauan boleh membantu individu sedar akan tabiat digital mereka, sekali gus mengurangkannya secara berperingkat.

Seterusnya, amalan kerja fokus perlu menjadi keutamaan kerana seseorang akan dapat meluangkan masa tanpa gangguan untuk menyiapkan tugas penting.

Teknik seperti kaedah Pomodoro iaitu 'bekerja selama 25 minit dan berehat selama lima minit' turut berkesan dalam meningkatkan keupayaan fokus.

Di samping itu, membiasakan diri dengan bacaan panjang, menulis jurnal atau menyelesaikan teka-teki boleh melatih otak bertahan dalam tugas kompleks.

Apa yang penting, manusia perlu meluangkan masa tanpa teknologi seperti bersepeda atau berjalan di taman bagi membantu mengurangkan tekanan dan meningkatkan fungsi kognitif.

Akhir sekali, penting untuk individu menumpukan kepada satu tugas pada satu masa dan mengelak kebiasaan menukar tugas secara berterusan. Ini bukan sahaja meningkatkan kualiti kerja, malah mengurangkan tekanan mental yang tidak disedari.

Secara keseluruhannya, minda bertih mencerminkan cabaran moden dalam mengekalkan tumpuan dan keseimbangan hidup dalam dunia sentiasa terhubung.

Dengan kesedaran dan usaha berterusan, kita boleh melatih semula otak untuk lebih fokus dan sihat dari segi mental serta emosi. Menjaga kesihatan mental pada era digital adalah satu keperluan, bukan lagi pilihan.

BERITA HARIAN
22 APR 2025
Tarikh.....

Penyakit NCD babit pencarum PERKESO jejas kualiti hidup

Pesakit berisiko dua kali ganda alami kemurungan, hadapi komplikasi

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Peningkatan bilangan pencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menghidap penyakit tidak berjangkit (NCD) bukan sahaja menjejaskan kesihatan diri, tetapi menimbulkan pelbagai beban berkait kualiti kehidupan.

Pensyarah Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman, berkata pesakit NCD seperti diabetes atau penyakit jantung lebih cenderung mengalami tekanan mental kerana perlu menguruskan penyakit secara berterusan.

"Kajian menunjukkan penghidap NCD mempunyai risiko dua kali ganda mengalami kemurungan, terutama jika mereka perlu mengubah gaya hidup secara drastik atau menghadapi komplikasi serta berdepan diskriminasi akibat obesiti, menyebabkan pengasingan sosial dan rendah diri."

"Dalam konteks produktif dan ekonomi makro pula, pekerja dengan masalah NCD akan cenderung mengambil cuti sakit dengan kerap atau bersara awal kerana komplikasi kesihatan, sekali gus mengurangkan daya saing tenaga kerja negara," katanya

80 pencarum PERKESO sakit setiap hari

Keratan akhbar BH, semalam.

kepada BH, semalam.

Kelmarin, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim mendedahkan peningkatan penyakit NCD dalam kalangan pencarum PERKESO semakin membimbangkan, apabila secara purata seramai 80 individu dikesan menghidap pelbagai masalah kesihatan setiap hari pada tahun lalu.

Beliau berkata, berdasarkan perangkaan juga jumlah pencarum PERKESO yang dikesan mengalami keilatan akibat NCD, meningkat 26.5 peratus dalam tempoh hanya dua tahun sejak 2022.

Dr Haliza menjejaskan, pertambahan pesakit NCD dalam kalangan tenaga kerja akan menyebabkan syarikat mengalami kerugian kos akibat ketidakhadiran, pengurangan prestasi dan peningkatan kos insurans kesihatan.

"Dapatan itu diperolehi daripada kajian oleh Bank Dunia menunjukkan ekonomi negara boleh kehilangan satu hingga dua peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) setiap tahun akibat kesan langsung dan tidak langsung NCD."

"Ia juga memberi kesan kepa-

da sistem pendidikan dan generasi muda apabila semakin ramai remaja menghidap diabetes atau obesiti melampau, mungkin mengalami prestasi akademik merosot akibat masalah kesihatan atau tekanan emosi," katanya.

Lebih membimbangkan, katanya, sebanyak 73 peratus kadar kematian di negara ini disebabkan oleh NCD yang berkait rapat dengan gaya hidup tidak sihat seperti pemakanan tidak seimbang, kurang aktiviti fizikal, merokok dan pengambilan alkohol berlebihan.

"Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 pula melaporkan hampir 2.3 juta orang dewasa di negara ini menghidap gabungan tiga jenis NCD utama iaitu diabetes, tekanan darah tinggi dan kolesterol tinggi."

"Lebih buruk lagi, satu daripada dua orang dewasa di Malaysia mengalami berat badan berlebihan atau obes, dengan wanita mencatatkan kadar tertinggi iaitu 54.7 peratus."

"Selain itu, seorang daripada empat dewasa tidak aktif secara fizikal dengan kira-kira 28 peratus membabitkan wanita, pelajar (39 peratus) dan warga emas (59 peratus)," katanya.

Beri kesan perbelanjaan negara
Justeru, katanya, ia memberi kesan kepada perbelanjaan negara apabila kerajaan pada 2017, membelanjakan RM9.65 bilion atau 16.8 peratus daripada perbelanjaan kesihatan negara untuk

AKTIVITI YANG MENYUMBANG GAYA HIDUP TIDAK SIHAT



Pemakanan tidak seimbang: tabiat makan lewat malam, makanan segera, tinggi gula dan garam serta kurang buah-buahan dan sayur-sayuran

Kurang aktiviti fizikal: gaya hidup sedentari (duduk terlalu lama tanpa bergerak), tidak bersenam sekurang-kurangnya tiga kali seminggu



Merokok dan pengambilan alkohol berlebihan

Kurang tidur atau waktu tidur tidak teratur: berjaga malam terlalu kerap atau tidur kurang dari enam jam sehari



Tekanan (stres) yang tidak diurus dengan baik

Pengambilan kafein berlebihan: minum terlalu banyak kopi atau minuman tenaga setiap hari

Tidak membuat pemeriksaan kesihatan berkala: tidak menyedari tahap kolesterol, tekanan darah atau gula dalam darah

Menghabiskan terlalu banyak masa di hadapan skrin: ketagih telefon pintar, komputer atau televisyen



menangani NCD.

"Malah bagi penyakit diabetes sahaja, ia menyumbang RM4.38 bilion (45.38 peratus), diikuti penyakit kardiovaskular (RM3.93 bilion) dan kanser (RM1.34 bilion), dan akibat kos tidak langsung akibat NCD seperti kehilangan produktiviti dan ketidakhadiran bekerja, dianggarkan mencecah RM12.88 bilion."

"Diabetes dan penyakit kardiovaskular masing-masing menyumbang RM5.74 bilion dan RM5.32 bilion. Malah, empat jenis NCD utama iaitu kardiovaskular, diabetes, kanser dan penyakit respiratori kronik menyebabkan beban ekonomi sebanyak RM64.2 bilion, merangkumi kos rawatan dan kehilangan produktiviti," katanya.

BERITA HARIAN
22 APR 2025
Tarikh.....



**NOOR
MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

SECARA umumnya pengurusan krisis merujuk kepada proses merancang dan mengambil tindakan strategik yang berkesan bagi menangani sesuatu masalah atau ancaman seperti bencana alam yang berlaku di luar jangka serta memberi impak negatif terhadap kehidupan individu, masyarakat, institusi, organisasi mahupun negara.

Keberkesanan tindakan pengurusan krisis penting bagi mengurangkan kesan negatif yang berlaku selain segera mengawal dan memulihkan keadaan.

Walaupun proses pengurusan krisis membabitkan tiga fasa utama iaitu persediaan sebelum sesuatu krisis berlaku (fasa siap siaga), ketika krisis sedang berlaku serta pasca krisis namun secara lazimnya fasa ketika dan krisis akan menarik perhatian khalayak.

Hal ini kerana walaupun kita melakukan pelbagai perancangan dan persiapan awal yang rapi namun sesuatu krisis itu tetap tidak boleh dijangka. Maka, tumpuan utama akan terarah sejauh mana kita mampu bertindak menguruskan sesuatu krisis yang sedang berlaku selain tindakan susulan selepas itu.


Ini selari dengan pandangan W. Timothy Coombs, seorang profesor dan pakar komunikasi krisis terkenal yang juga penulis buku *Ongoing Crisis Communication* menyatakan pengurusan krisis ialah proses membuat persediaan, bertindak balas dan memulihkan keadaan selepas krisis, sambil melindungi pihak berkepentingan dan reputasi organisasi.

Dalam konteks krisis peringkat negara misalnya, tumpuan akan terarah kepada kerajaan dan semua pihak berkuasa yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Ironinya, kehebatan jentera pentadbiran kerajaan akan teruji ketika proses penyaluran pengurusan krisis membabitkan semua agensi yang bertanggungjawab.

Manakala jika ia membabitkan sesuatu organisasi, sudah tentu tindakan pihak pengurusan atasan organisasi akan menjadi tumpuan.

Penulisan ini tertumpu kepada amalan pengurusan kerajaan yang ternyata terbukti berkesan dalam

Kita mampu urus krisis dengan berkesan



TINDAKAN pantas dan berkesan dalam tragedi letupan paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, baru-baru ini membuktikan kerajaan berjaya menangani dan menguruskan krisis dengan baik.

menangani dan menguruskan pelbagai krisis yang melanda negara dan memberi impak besar kepada kehidupan rakyat.

Perlu diakui pihak kerajaan dengan kerjasama erat semua agensi yang berkaitan setakat ini mampu menguruskan beberapa krisis besar dengan lancar dan berkesan. Antaranya ialah tragedi kehilangan pesawat MH370 serta penularan wabak Covid-19 dan terkini insiden kebakaran dan letupan saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya.

Ternyata negara kita memiliki pengalaman menguruskan beberapa krisis besar dengan cekap dan efisien. Kita juga perlu berbangga betapa negara memiliki pakar dari pelbagai bidang yang mampu bertindak dengan cekap dan efisien khususnya dalam kalangan anggota keselamatan.

Dalam kes kehilangan pesawat MH370 misalnya, sudah tentu ini adalah pengalaman baharu untuk negara (ketika itu). Tragedi yang menggemparkan dunia itu tidak pernah berlaku di Malaysia sebelum ini, maka ia mencetuskan suasana cemas dan kelam kabut dalam kalangan anggota masyarakat khususnya ahli keluarga yang terlibat.

Antara persoalan kritikal yang timbul pada ketika itu ialah apakah kerajaan mampu menangani dan menguruskan krisis besar

“Kehebatan jentera pentadbiran kerajaan akan teruji ketika proses penyaluran pengurusan krisis membabitkan semua agensi yang bertanggungjawab.”

dunia penerbangan seperti ini.

Namun pihak berkuasa dapat membuktikan kepada dunia bahawa kita mampu menguruskan krisis ini dengan tenang, matang, bijak dan berkesan.

Walaupun keadaan kapal terbang dan nasib anak kapal itu masih kekal misteri sehingga kini namun pengurusan krisis pada ketika tragedi itu berlaku dan pada fasa pasca tragedi yakni sehingga kini membuktikan kehebatan amalan pengurusan krisis di negara kita.

Misalnya, pada detik kapal malang tersebut diumumkan hilang, kebajikan ahli keluarga diuruskan dengan baik, hebahan tentang perkembangan terkini hasil pencarian juga dibuat secara tuntas dan berkesan selain kerajaan menzahirkan komitmen serta tindakan untuk terus mencari

kapal tersebut sehingga ke hari ini. Ini bukan sahaja membuktikan kehebatan pengurusan krisis malah meyakinkan ahli keluarga dan masyarakat antarabangsa tentang kemampuan kerajaan dan pihak berkuasa negara ini.

Begitu juga ketika penularan wabak Covid-19 yang mencetuskan situasi luar biasa membabitkan krisis kesihatan dan kehidupan yang cukup besar. Tatkala semua pihak takut dan panik, pihak berkuasa membuktikan kita ada pelan pengurusan krisis kesihatan yang mantap. Bermula dengan penerangan situasi, tindakan kawalan pergerakan dan sehinggalah proses penyediaan rawatan kepada pesakit yang dijangkiti dan agihan bantuan kepada rakyat terjejas semuanya diuruskan dengan sangat baik.

Masyarakat antarabangsa sendiri kagum dengan tindakan berkesan kerajaan dalam menangani dan menguruskan antara krisis kesihatan yang cukup besar pada abad ini.

Terkini pihak kerajaan sekali lagi membuktikan kita memiliki amalan pengurusan krisis yang berkesan apabila dapat bertindak menguruskan bencana kebakaran dan letupan saluran gas di Putra Heights dengan baik dan lancar. Walaupun berlaku pada hari kedua Syawal dan musim cuti perayaan namun tindakan pantas dan berkesan pihak kerajaan dan pasukan keselamatan kita perlu dipuji.

ASPEK PENTING

Pengurusan krisis secara umumnya membabitkan beberapa aspek penting yang perlu dikendalikan dengan bijak agar kita dapat mengawal keadaan sekali gus mengambil tindakan-tindakan pemulihan yang berkesan.

Antaranya, komunikasi krisis iaitu proses penyampaian maklumat antara kerajaan dengan media dan rakyat.

Amalan komunikasi krisis di negara kita ternyata hebat dan berkesan apabila kerajaan dapat membuat penyaluran yang sewajarnya sekali gus membolehkan semua maklumat dan hebahan yang hendak disalurkan kepada media dan rakyat dapat dilaksanakan secara sistematik.

Ironinya, komunikasi yang berkesan bukannya hanya dapat mengurangkan konflik tetapi membantu memupuk sokongan dan kepercayaan rakyat terhadap tindakan pihak berkuasa, sekali gus meyakinkan rakyat bahawa krisis yang sedang berlaku sedang diurus dan dikendalikan dengan baik.

Selain itu, aspek penubuhan pasukan pengurusan krisis bagi memastikan proses pengurusan krisis berjalan dengan lancar dan berkesan. Dalam tragedi di Putra Heights misalnya, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri di bawah Kendalian Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dapat menguruskan krisis ini dengan bijak, berstruktur dan berkesan.

Tuntasnya, pengurusan krisis membabitkan satu kitaran proses yang besar mencakupi aspek kepimpinan, bagaimana kita berkomunikasi, keperluan mengekalkan kepercayaan rakyat dan mampu memulihkan keadaan selepas krisis.

Berdasarkan pelbagai krisis yang berlaku, ternyata setakat ini kerajaan dan pasukan keselamatan dapat membuktikan negara memiliki amalan pengurusan krisis yang berstruktur serta berkesan.

PENULIS ialah Timbalan Pengarah (Komunikasi Korporat) Pusat Strategi Dan Perhubungan Korporat (PSPK), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Bursa Malaysia hampir 1,500, dalam fasa pembetulan teknikal

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
zakkina.tarmizi@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Bursa Malaysia menunjukkan peningkatan apabila mencecah paras 1,500 mata semalam, sebagai pembetulan teknikal setelah turun dengan mendadak seiring dengan pasaran ekuiti dunia utama yang lain, berikutan tindakan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump yang mengelirukan dunia.

Indeks penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) dibuka tinggi pada 1,500.37 di awal dagangan semalam, sebelum ditutup pada 1,499.47 berbanding 1,499.40 ketika akhir sesi dagangan Jumaat.

Kali terakhir Bursa Malaysia ditutup di bawah 1,500 adalah pada Januari tahun lalu.

Jumlah dagangan sebanyak 1.53 bilion unit bernilai RM1.19 bilion.

Di pasaran yang lebih luas, kaunter rugi mengatasi untung sebanyak 513 berbanding 308 dengan 463 kaunter tidak berubah dan 1,153 tidak dimia-gakan.

Penganalisis ekonomi UniKL Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, ia telah menyebabkan ketidakstabilan dengan pasaran tiada arah tuju yang jelas selepas pengumuman tarif Trump dan



BURSA Malaysia kini dalam fasa pembetulan teknikal selepas jatuh mendadak seiring pasaran saham rakan serantau dan dunia baru-baru ini. - GAMBAR HIASAN

beliau tiba-tiba pula menangguhkan pula untuk selama 90 hari lagi atas alasan perundingan dengan semua negara yang berkaitan termasuk Malaysia.

Katanya, prestasi bursa dalam jangka masa pendek ini dijangka masih mencari hala tuju terutama dari pergerakan bursa saham yang lain.

"Jualan dan belian bursa saham Kuala Lumpur dipelopori oleh pengurus dana tempatan berikutan terdapat saham-saham mewah yang berada pada

harga yang murah dari purata kebiasaan, menjadi buruan para pengurus dana.

"Kebanyakan syarikat-syarikat Malaysia melaporkan prestasi kewangan yang baik untuk 2024 bagi tahun berakhir Disember, jelas ini menunjukkan kekuatan korporat tempatan tahun lalu yang berada pada landasan yang baik dan kukuh," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*, semalam.

Sementara itu, Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Ma-

laysia Bhd, Mohd Afzanizam Abdul Rashid, prestasi pasaran saham masih lagi dibelenggu sentimen yang negatif terhadap dasar ekonomi AS yang mana Presiden AS masih lagi tidak berganjak untuk menggunakan tarif import sebagai instrumen dasar yang utama bagi membangunkan ekonomi AS.

"Pada sesi awal dagangan pagi semalam, indeks FBMKLCI melebihi paras 1,500 mata iaitu 1,502.08 pada sesi pembukaan, bagaimanapun dagangan sebe-

Prestasi bursa dalam jangka masa pendek ini dijangka masih mencari hala tuju terutama dari pergerakan bursa saham yang lain."

lah petang menyaksikan indeks FBMKLCI bergerak sekitar 1,496 mata.

"Justeru, jelas para pedagang dan pelabur masih lagi dalam mod berhati-hati buat masa ini," katanya.

Profesor Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr. Mohd. Rizal Palil pula berkata, kenaikan bursa disebabkan oleh sokongan belian kerana sebelum ini harga saham telah jatuh teruk.

"Namun kenaikan ini sukar dipertahankan kerana aktiviti pengambilan untung jangka pendek.

"Para pelabur takut untuk memegang lama saham kerana situasi pasaran yang kurang menentu. Di samping tiada petunjuk baharu yang signifikan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 22 APR 2025

Pertumbuhan ekonomi berisiko lebih rendah tahun ini

PETALING JAYA: Ekonomi negara mungkin berprestasi rendah tahun ini, terutamanya disebabkan ketegangan perdagangan yang semakin meningkat, menurut TA Securities Holdings Bhd.

Penganalisisnya, Farid Burhanuddin berkata, menyedari risiko tersebut, firma masih mengekalkan unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 4.8 peratus hingga 5.3 peratus untuk 2025.

"Pada masa ini, tidak perlu menyemak semula unjuran pertumbuhan kami, kerana beberapa petunjuk utama Mac seperti Indeks Perdagangan Ederan, Indeks Jumlah Perkhidmatan, In-

deks Pengeluaran Perindustrian dan Statistik Pembinaan masih belum dikeluarkan.

"Data ini dijangka kira-kira seminggu sebelum pengumuman rasmi KDNK akan memberikan kejelasan lanjut tentang prestasi keseluruhan suku pertama," katanya dalam nota penyelidikan semalam.

Beliau berkata, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz dijadual bertemu dengan Wakil Perdagangan Amerika Syarikat (AS), Jamieson Greer dan pegawai penting lain di Washington pada Khamis ini.

Jelasnya, perbincangan akan

tertumpu kepada tarif timbal balik yang dikenakan ke atas Malaysia.

"Delegasi Malaysia juga akan melibatkan diri dengan pelbagai dewan perniagaan, syarikat dan kumpulan berkepentingan untuk menjelaskan pendirian negara, menyediakan maklumat terkini dan menyampaikan maklum balas kabinet.

"Sebarang pelarasan pada ramalan kami akan dipertimbangkan hanya selepas angka rasmi KDNK suku pertama 2025 pada 16 Mei ini dan apabila terdapat kejelasan yang lebih jelas mengenai masa depan langkah tarif," ujarnya.

Farid berkata, anggaran awal Jabatan Perangkaan (DOSM) menunjukkan ekonomi negara berkembang 4.4 peratus tahun ke tahun kepada RM414.9 bilion pada suku pertama 2025, lebih perlahan berbanding pertumbuhan 5.0 peratus tahun ke tahun pada suku keempat 2024.

Menurutnya, angka tersebut lebih rendah daripada unjuran konsensus dan jangkaan dalam TA Securities iaitu 4.8 peratus tahun ke tahun, disebabkan perbezaan dalam beberapa andaian sektor.

"Contohnya, kami menjangkakan penguncupan dalam sektor pertanian, namun DOSM

mengunjurkan pemulihan disokong peningkatan dalam subsektor selain kelapa sawit.

"Sebaliknya, jangkaan kami bagi sektor lain seperti pembuatan, duti import dan perkhidmatan hampir sejajar dengan DOSM, dengan perbezaan yang kecil," jelasnya.

Beliau berkata, anggaran awal itu hanya meliputi lima sektor utama dari sudut penawaran, berdasarkan data separa lengkap DOSM.

Pecahan sektor menunjukkan beberapa sektor mencatat pertumbuhan sederhana, menyokong momentum ekonomi secara keseluruhan.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 22 APR 2025

Guna MyDigital ID bayar saman trafik

Oleh NURAINA
HANIS ABD. HALIM

hanis.halim@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Dalam Negeri (KDN) mencadangkan penggunaan MyDigital ID secara meluas dalam sebarang urusan pembayaran saman trafik.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, penggunaan MyDigital ID tidak diwajibkan namun ia termasuk dalam dasar, malah kerajaan bersetuju melakukan pindaan Akta Pendaftaran Negara 1959 bagi membolehkan penggunaan platform tersebut.

Katanya, perkara itu bagi memastikan peningkatan penggunaan aplikasi itu pada masa akan datang.

"Perkara ini masih dalam peringkat cadangan dan belum diluluskan di Parlimen.

"Kita menggalakkan pengguna menggunakan aplikasi itu bagi mengesahkan identiti dalam satu urusan," katanya pada Jamuan Raya Polis Diraja Malaysia (PDRM)



SAIFUDDIN Nasution Ismail (tengah) diiringi Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain (kiri) menyampaikan sumbangan pada Majlis Sambutan Aidilfitri PDRM 2025 di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

di Stadium Titiwangsa semalam.

Menurutnya, semua urusan membabitkan Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) selepas ini akan mengutamakan orang ramai yang berdaftar dengan MyDigital ID.


"Jika sebelum ini, JSPT bermurah hati memberi tawaran dis-

kaun saman sehingga 50 peratus namun bagi mereka memiliki aplikasi itu kita akan bagi lebih lagi mungkin dalam 55 peratus.

"Untuk mendaftar MyDigital ini mudah sahaja hanya menggunakan telefon bimbit dan sekejap sahaja proses pendaftaran," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 2.2. APR. 2025.



PENGUATKUASA perlu berintegriti tinggi, tegas dalam tindakan tetapi sentiasa berperikemanusiaan dalam pendekatan demi negara yang lebih makmur dan beretika.

WM
22/4

Penguatkuasa perlu tunjuk teladan baik kepada peniaga kecil

PENIAGA kecil merupakan nadi ekonomi komuniti setempat. Di pasar malam, kaki lima atau gerai-gerai tepi jalan, kehadiran mereka bukan sahaja menambah warna pada suasana masyarakat, malah memenuhi keperluan harian pengguna.

Dalam usaha mencari rezeki halal, sering kali mereka berhadapan dengan cabaran daripada pihak penguatkuasa seperti didakwa dilayan secara tidak adil, bersikap kasar dan tindakan keterlaluan.

Sama ada daripada pihak berkuasa tempatan (PBT), polis, atau agensi penguatkuasaan lain, memainkan peranan penting dalam memastikan undang-undang dan peraturan dipatuhi. Tugas ini sememangnya mencabar kerana mereka perlu memastikan keseimbangan antara penguatkuasaan dan keadilan sosial. Namun demikian, pendekatan dan cara pelaksanaan tugas amat mempengaruhi persepsi awam terhadap integriti dan kebertanggungjawaban. Penting untuk anggota penguatkuasa menunjukkan teladan yang baik dalam setiap tindakan mereka.

Dalam konteks peniaga kecil, penguatkuasa harus menyedari setiap tindakan mereka boleh memberi impak besar kepada kelangsungan hidup seseorang.

Tindakan menyita barangan secara tiba-tiba tanpa notis atau amaran bukan sahaja menimbulkan kesusahan malah boleh memusnahkan sumber pendapatan utama mereka. Lebih menyedihkan, ada laporan yang mengatakan terdapat penguatkuasa yang bertindak kasar, menggunakan kata-kata kesat dan mengugut peniaga. Dalam beberapa kes, terdapat juga aduan tentang amaran rasuah seperti meminta bayaran tertentu sebagai 'lesen' untuk tidak disaman.

Amalan baik dalam penguatkuasaan

bukanlah sesuatu yang idealistik, sebaliknya ia perlu dijadikan satu budaya kerja. Penguatkuasa yang bersopan santun, tegas tetapi berhemah dalam pendekatan akan lebih dihormati dan disegani. Komunikasi yang jelas dan mesra, disertai dengan penerangan tentang kesalahan dilakukan mampu membina pemahaman dan kerjasama daripada peniaga kecil.

Jika seorang peniaga didapati melanggar syarat lesen, penguatkuasa boleh terlebih dahulu memberi notis amaran dan masa untuk peniaga memperbaiki keadaan. Pendekatan ini tidak bermaksud mengabaikan undang-undang, tetapi lebih kepada menggunakan budi bicara yang wajar. Malah, dalam keadaan tertentu, penguatkuasa juga boleh berperanan sebagai penasihat untuk membantu peniaga memahami prosedur permohonan lesen, garis panduan keselamatan makanan atau lokasi yang dibenarkan untuk berniaga.

Latihan dan pemantapan nilai integriti amat penting. Setiap anggota perlu diberikan pendedahan tentang etika kerja, hak asasi peniaga serta kesan sosial daripada tindakan mereka. Mereka juga harus diajar untuk mengenal pasti situasi yang memerlukan pendekatan berbeza, bergantung kepada latar belakang dan keseriusan kesalahan yang dilakukan.

Oleh itu, setiap penguatkuasa harus sentiasa ingat mereka sedang diperhatikan oleh masyarakat. Tindakan mereka bukan sahaja memberi kesan kepada individu yang terlibat secara langsung, tetapi juga kepada reputasi jabatan atau agensi.

NUR DAMIA QISTINA MOHD. NOOR HISHAM
Pelajar SMK Penghulu Saat,
Parit Sulong, Johor

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:2.2 APR 2025.....

Only 10% of former teachers claimed provident fund

KUALA LUMPUR: Only 10% of former teachers who contributed to the Teachers Provident Fund (TPF) between 1962 and 1972 have come forward to retrieve their unclaimed money from the Accountant-General's Department (AGD) as of April 2025.

Tun Hussein Onn Teachers' Foundation chief executive officer Zahiruddin Mohammad Hanif said this figure represents 185 former teachers or their heirs who have made claims.

As a result, the unclaimed funds under the Unified Teachers Service (UTS) scheme have decreased to RM11.7 million from RM13.58 million in 2018.

"Since the announcement in 2018, not many heirs have come forward.

Out of 1,910 contributors, 1,725 have yet to make a claim. So far, fewer than 200 individuals have come forward, which is only about 10%.

"The contributors were UTS teachers who served between 1962 and 1972. They are not recipients of government pensions," he told Bernama.

Zahiruddin dismissed recent claims circulating online that the unclaimed TPF contributions of former UTS teachers have reached RM135 million.

He explained that contributions categorised as unclaimed funds remain with the AGD and may still be retrieved at any time.

Commenting on the delay in claims, he noted that many families

were unaware their relatives had contributed to the TPF and outdated contact information has made it difficult for the foundation to reach them.

"It's not that the families are intentionally delaying, but many simply don't know. The addresses we have are outdated, so notification letters are often returned. Without current contact details, we have no way of locating the contributors," he added.

Zahiruddin said the foundation will issue another media statement soon to encourage eligible next of kin to come forward and claim the funds.

He explained that contributors or their next of kin may initiate claims at the AGD which will verify their status

with the foundation. ^{SVP 22/4}

Eligible individuals may check their status at egumis.anm.gov.my or contact the foundation at 03-8890 2427.

He stressed that the verification process is important to prevent misuse or fraudulent claims, and emphasised that the foundation has not appointed any third parties or agents to manage the claims.

"The list of contributors can be checked via a link uploaded on (the foundation's) official channels. That's the only authorised way to verify names.

"We've decided not to publish the names in media releases to prevent any risk of exploitation." — Bernama

THE SUN

22 APR 2025

Rankh:.....

Legal coverage of Putra Heights blast

COMMENT by Dr Wilson Tay Tze Vern

THE recent gas pipeline explosion at Putra Heights on April 1 has raised pressing legal questions about Malaysia's preparedness, accountability structures and regulatory safeguards when industrial disasters occur.

With over 227 houses and 365 vehicles affected, and 87 homes reportedly written off as total losses, victims now face a long, complex journey towards compensation and recovery.

Gaps in protection

It is commonly assumed that homeowners can recover compensation through fire insurance policies. However, this is only possible if adequate home fire insurance has been purchased beforehand.

While fire insurance is generally a prerequisite for mortgaged homes, owners of older and fully paid-off properties may have little or no coverage, leaving them solely responsible for any losses.

Even where fire insurance exists, it typically covers only structural damage and fixed fittings. High-value movable items such as laptops, mobile devices and entertainment systems, are often uninsured and may be excluded from coverage. Items of sentimental value are irreplaceable. Moreover, long-term depreciation of property due to adverse publicity is generally not compensable.

For vehicles, owners who opted only for basic third-party insurance – common for older vehicles, motorcycles and commercial vehicles – are unlikely to be covered for fire-related damages. This potentially leaves many without financial recourse.

The explosion and subsequent

suspension of gas transmission in the area also disrupted operations at about 200 nearby factories, including food manufacturers and metal processing facilities. In legal terms, these are examples of "pure economic loss" – financial losses not arising from injury or physical damage but from the indirect consequences of the incident.

Under current Malaysian law, such losses are generally non-recoverable.

In the 2018 Federal Court decision of *Tenaga Nasional Berhad v Batu Kemas Industri & Anor*, it was clarified that even where negligence is established, damages for pure economic loss may not be recoverable.

This significantly restricts legal remedies for the affected industries and raises questions about whether existing laws adequately reflect the economic interdependencies of modern industrial zones.

Public scrutiny has turned to the roles played by the pipeline owner, the Energy Commission, and the local authority.

Several key statutes govern the responsibilities of these parties, including the Gas Supply Act 1993 (Act 501) (as amended in 2016), the Gas Supply Regulations 1997 [P.U.(A) 287], the Energy Commission Act 2001 (Act 610) and the Street, Drainage and Building Act 1974 (Act 133).

As the licensed gas transporter in the affected area, the pipeline owner is responsible for the safety and maintenance of gas installations under Parts III and VI of the 1997 Regulations.

To date, there is no indication if the pipeline owner failed in these responsibilities.

The Energy Commission's duties are outlined in Section 4(1) of Act



The Putra Heights explosion is a sobering reminder that as Malaysia advances its infrastructure and industrial capacity, our legal and regulatory systems must keep pace. – **AMIRUL SYAFIQ/THESUN**

501, including the mandate "to protect the public from dangers arising from the distribution of gas through pipelines" [Section 4(1)(f)].

Meanwhile, the local authority's responsibilities under Act 133 include the reported issuance of a permit for excavation works in the area prior to the incident.

However, statutory immunities complicate any imposition of liability. The Energy Commission is protected from certain legal actions under Section 37 of Act 501 while the local authority is protected under Section 95(2) of Act 133 as explained by the 2006 Federal Court case of *Majlis Perbandaran Ampang Jaya v Steven Phoa Cheng Loon*. These protections may limit the availability of legal recourse against the public authorities involved.

While contractor negligence

remains a possibility, it must be emphasised that legal liability cannot be determined until investigations are complete.

Even if such negligence is established, questions remain about whether the contractor would have the financial resources or insurance coverage to compensate victims on this scale. This underscores the importance of mandatory liability insurance and stringent regulatory controls for high-risk works near critical infrastructure.

Resilient legal framework

The federal government, alongside the Selangor state government and the pipeline owner, have extended commendable *ex gratia* financial assistance to the victims.

Nonetheless, it is also important

that stronger legal protections are developed to address the aftermath of similar industrial tragedies in the future.

The Putra Heights explosion is a sobering reminder that as Malaysia advances its infrastructure and industrial capacity, our legal and regulatory systems must keep pace. Strengthening protections, closing insurance gaps and ensuring accountability are no longer optional – they are essential to safeguarding lives and livelihoods.

Dr Wilson Tay Tze Vern is a senior lecturer and programme director of the Doctor of Philosophy in Law programme at the School of Law and Governance, Faculty of Business and Law, Taylor's University. Comments: letters@thesundaily.com

THE SUN
22 APR 2025
Tarikh: